



Ruj. Kami : PMS/UP/656-3 JLD.4(22)
Tarikh : 3 Julai 2015

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT EDARAN PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH
BIL. 1/2015**

**KENAAN GST BAGI KONTRAK PUSAT PEMBEKALAN DAN PENGHANTARAN MINYAK
PETROL, DIESEL DAN BAHAN PELINCIR (SECARA PUKAL) KEPADA SEMUA JABATAN
DAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DI SABAH DAN WILAYAH PERSEKUTUAN
LABUAN (PMS/UKP/03/2014)**

Dengan segala hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan/Agensi Persekutuan yang menggunakan kontrak pusat di atas perlu membuat bayaran tambahan bagi kenaikan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) sebanyak 6% daripada kos keseluruhan (termasuk kos pengangkutan) untuk permintaan bekalan minyak petrol, diesel dan bahan pelincir (secara pukal) daripada syarikat kontrak pusat yang telah dilantik.
3. Perkara ini adalah selaras dengan ketetapan yang dibuat oleh Kementerian Kewangan Malaysia berhubung pelaksanaan GST dalam perolehan Kerajaan. Sebarang maklumat lanjut, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan boleh merujuk kepada Seksyen Perolehan Kerajaan, pejabat ini.
4. Kerjasama dan perhatian daripada YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini adalah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DATUK YUSOF BIN HJ SARANGIT)
Pegawai Kewangan Persekutuan Sabah

"MENJANA KEMAKMURAN NEGARA"
CEPAT, TEPAT, MESRA, AMANAH



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT NO: AR 3495